

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10300

SOALAN :

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan lawatan khas Jabatan Pendaftaran Negara yang dilaksanakan sejak tahun 2013 di kawasan Parlimen Baram dan nyatakan bilangan pemohon dokumen peribadi yang diterima, diluluskan dan ditolak mengikut suku kaum dan jenis permohonan (kad pengenalan dan sijil lahir). Sila nyatakan sebab-sebab permohonan ditolak.

89

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 30 September 2017, sebanyak 48 operasi Unit Khas Bergerak (UKB) JPN telah dijalankan di kawasan Baram, Sarawak. Sebanyak 2,266 permohonan dokumen pendaftaran kelahiran dan Kad Pengenalan Operasi diterima sepanjang tempoh tersebut. Perincian permohonan yang telah diluluskan, ditolak dan masih dalam proses atau siasatan (*inquiry*) adalah seperti berikut:

Tahun	Permohonan						Jumlah
	Pendaftaran Kelahiran & Kematian			Kad Pengenalan			
	Lulus	Tolak	Dalam Proses	Lulus	Tolak	Dalam Proses	
2013	131	32	0	349	3	2	517
2014	160	34	0	194	1	5	394
2015	63	0	0	75	0	0	138
2016	589	0	0	343	0	0	932
30 Sept 2017	1	0	194	77	0	13	285
Jumlah	1,204			1,062			2,266